

BAB III

HUBUNGAN MAHKAMAH SYARIAH ACEH DENGAN PENGADILAN AGAMA DAN MAHKAMAH AGUNG REPUBLIK INDONESIA

3.1. Pengenalan.

Mahkamah Syariah dan Pengadilan Agama mempunyai bidang kuasa yang berkait rapat antara satu sama lain dalam menyelesaikan kes-kes tertentu khususnya untuk umat Islam. Namun yang demikian, kedua-duanya tidak mempunyai cara pengadilan yang sama dalam sesebuah wilayah. Mahkamah Syariah hanya berkuatkuasa di Aceh sedangkan Pengadilan Agama berkuatkuasa di seluruh wilayah Republik Indonesia kecuali Aceh. Kedua-dua mahkamah ini memiliki hubungan di dalam badan organisasi dan juga di dalam pelaksanaannya.

Di dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan sejauh mana hubungan di antara kedua-dua pengadilan ini dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Bagi memberikan gambaran dan penjelasan yang lebih menyeluruh dan terperinci, pengkaji akan menjelaskan terlebih dahulu berkenaan badan-badan kehakiman yang sedia ada dan perkaitan antara satu sama lain di Indonesia.

Berdasarkan Fasal 10 Undang-undang Republik Indonesia No. 4 tahun 2004 berkenaan kuasa mahkamah, pengendalian kehakiman dilakukan oleh sebuah

Mahkamah Agung dan badan-badan pengadilan yang berada di bawahnya, serta sebuah Mahkamah Konstitusi¹.

3.2. Mahkamah Agung

Mahkamah Agung adalah badan tertinggi negara² di dalam sistem kehakiman. Ia merupakan pengadilan tertinggi di Indonesia, yaitu kedudukan yang sama dengan Mahkamah Konstitusi, namun ia berbeza di dalam bidang kuasa dan perlaksanaannya. Badan tersebut bersifat merdeka iaitu bebas dan tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana kuasa pemerintah³ yang lain. Pihak-pihak lain selain daripada pegawai badan kehakiman dilarang untuk mencampuri urusan pengadilan negara itu.⁴ Mahkamah Agung mempunyai empat mahkamah yang berada dibawahnya, iaitu Peradilan Umum, Peradilan Agama, Peradilan Militar (Tentera), dan Peradilan Tata Usaha Negara.⁵

3.2.1. Bidang kuasa Mahkamah Agung

Bidang kuasa Mahkamah Agung yang terdapat di dalam Fasal 11(2) Undang-undang No. 4 Tahun 2004 berkenaan kuasa mahkamah ialah:

¹ Mahkamah Konstitusi adalah badan tertinggi negara dalam sistem ketatanegaraan Indonesia yang merupakan pemegang kuasa mahkamah bersama-sama dengan Mahkamah Agung. Namun ia berbeza dari aspek struktur dan bidang kuasa.

² K. Wantjik Saleh SH. (1981) *Mahkamah Agung, Pengadilan Tinggi dan Pengadilan Negeri*. Jakarta: Bina Aksara, h. 55.

³ Drs. H. A. Basiq Djalil (2006) *Peradilan Umum di Indonesia: Gemuruhnya politik hukum (HK. Barat, dan Hk. Adat) dalam rentang sejarah bersama pasang surut badan Peradilan Umum hingga lahirnya Peradilan SyariatIslam* Jakarta: Kencana, h. 95.

⁴ Undang-undang No.14 tahun 1970 tentang ketentuan-ketentuan pokok kuasa mahkamah. Lihat : K. Wantjik Saleh SH. (1981), op.cit., h.59.

⁵ Badan Penelitian dan Pengembangan Hak Asasi manusia, <http://www.balitbangham.go.id/PERANGKAT%20UUTERKAIT/04-04%Kekuasaan%20Kehakiman.pdf>

- A. *Mengadili pada tingkat kasasi⁶ terhadap putusan yang diberikan pada tingkat terakhir oleh semua pengadilan di semua lingkungan peradilan yang berada di bawah Mahkamah Agung.*
- B. *Menguji peraturan perundang-undangan di bawah undang-undang terhadap undang-undang ; dan*
- C. *Kewenangan lainnya yang diberikan undang-undang.*

Dari Pasal 11 (2) tersebut dapat kita ketahui bahwa semua pengadilan yang berada di bawah Mahkamah Agung yaitu Peradilan Umum (Sivil), Pengadilan Agama (termasuk Mahkamah Syariah di Aceh), Pengadilan Tata Usaha Negara dan Pengadilan Militar mempunyai satu tempat untuk membuat *kasasi* (rayuan terakhir) yaitu Mahkamah Agung.

Selain itu, Mahkamah Agung juga mempunyai bidang kuasa untuk menyemak semula undang-undang yang telah diluluskan yang menjadi bidang kuasa salah satu di antara empat mahkamah yang berada di bawahnya. Apabila ada undang-undang yang menjadi bidang kuasa salah satu empat mahkamah di bawahnya telah diluluskan, timbul isu apakah undang-undang yang telah diluluskan tersebut sesuai dengan undang-undang nasional ataupun tidak. Maka pihak yang merasakan tidak sesuai boleh membawa isu perundangan ini ke Mahkamah Agung untuk disemak dan diputuskan sama ada ia tetap sah ataupun tidak. Apabila Mahkamah Agung berpendapat ia sesuai dengan undang-undang nasional, maka ianya sah. Tetapi, apabila ia didapati tidak sesuai maka Mahkamah Agung boleh membatalkan undang-undang tersebut dengan serta-merta.

⁶ Kasasi maksudnya rayuan peringkat akhir.

Selain daripada itu, Mahkamah Agung juga mempunyai tugas dan bidang kuasa lain, iaitu :

- A. Mencadangkan tiga orang anggota Hakim Konstitusi;
- B. Hakim yang berada di dalam badan Mahkamah Konstitusi berjumlah sembilan orang. Mereka telah dipilih oleh Presiden Indonesia. Namun, tidak semua hakim tersebut dicadangkan oleh Presiden. Presiden hanya berhak mencadangkan tiga orang, dan selebihnya dicadangkan oleh Mahkamah Agung dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) seramai tiga orang;⁷
- C. Memberikan pertimbangan ketika Presiden memberikan *grasi* (pengampunan) dan *rehabilitasi*;
- D. *Grasi* bermaksud tindakan membatalkan hukuman yang telah diputuskan oleh hakim. Hanya Presiden yang berhak untuk memberikan *grasi* dengan pertimbangan Mahkamah Agung.⁸

Sedangkan maksud *rehabilitasi* sebagaimana disebutkan dalam kamus Bahasa Indonesia adalah pemulihan kepada kedudukan (keadaan, nama baik) yang dahulu (semula).⁹

Ini memberi maksud satu tindakan Presiden dalam rangka mengembalikan hak seseorang yang telah hilang kerana hasil semakan semula penghakiman yang telah diputuskan mendapati kesalahan yang dilakukan oleh seseorang itu tidak seberapa. Bahkan, ia sebenarnya tidak bersalah. Fokus rehabilitasi ini terletak pada

⁷ Mahkamah Konstitusi Indonesia http://id.wikipedia.org/wiki/Mahkamah_Konstitusi_Indonesia, 6 Jun 2010.

⁸ Pengertian Grasi, Amnesti, Abolisi, Rehabilitasi, <http://landry-putra.blogspot.com/2009/05/pengertian-grasi-amnesti.html>, 6 Jun 2010.

⁹ Kamus Besar Bahasa Indonesia Online, <http://pusatbahasa.diknas.go.id/kbbi/index.php>, 6 Jun 2010.

nilai kehormatan yang diperoleh kembali. Hal ini tidak bergantung kepada undang-undang tetapi ia bergantung pada pandangan masyarakat sekeliling.¹⁰

3.2.2. Ketua dan Hakim Agung

Mahkamah Agung dipimpin oleh seorang ketua. Ketua Mahkamah Agung dipilih daripada Hakim Agung dan dilantik oleh Presiden. Dalam Mahkamah Agung, secara maksimumnya terdapat enam puluh orang Hakim Agung. Hakim Agung berasal daripada golongan hakim yang sedia ada. Ia juga boleh dilantik daripada golongan profesional atau akademik. Calon Hakim Agung diusulkan oleh Komisi Yudisial¹¹ kepada Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), untuk mendapatkan persetujuan dan ditetapkan sebagai Hakim Agung oleh Presiden.

3.3. Peradilan Umum.

Peradilan Umum adalah salah satu mahkamah di bawah Mahkamah Agung yang menjalankan kuasa mahkamah bagi rakyat yang menuntut keadilan pada umumnya.¹²

Penafsiran perbezaan Pengadilan Umum dan khusus adalah daripada segi keseragaman, dari sudut perbezaan yang dilihat, dan daripada beberapa undang-undang yang telah dikeluarkan oleh pemerintah. Antaranya ialah:

¹⁰ Pengertian Grasi, Amnesti, Abolisi, Rehabilitasi, <http://landry-putra.blogspot.com/2009/05/pengertian-grasi-amnesti.html>, 6 Jun 2010.

¹¹ Komisi Yudisial adalah badan negara hasil dari semakan semula UUD 1945 yang dibentuk untuk mengawasi perilaku hakim-hakim dan memilih Hakim Agung.

¹² Peradilan Umum, http://id.wikipedia.org/wiki/Peradilan_umum, 6 Jun 2010.

- A. Di dalam Undang-undang No.19 tahun 1964 berkenaan asas kuasa mahkamah. Pengadilan Umum yang meliputi Pengadilan Ekonomi, Pengadilan *Subversif*¹³, dan Pengadilan Rasuah. Pengadilan Khusus pula terdiri daripada Pengadilan Agama dan Pengadilan Militar.¹⁴
- B. Di dalam Undang-undang No.14 tahun 1970 yang menggantikan Undang-undang No.19 tahun 1964 adalah Pengadilan Agama, Militar dan Tata Usaha Negara yang merupakan peradilan khusus. Ini kerana ia mengadili kes-kes tertentu atau mengenai golongan rakyat tertentu. Pengadilan Umum pula adalah pengadilan bagi rakyat berhubung kes muamalat, jenayah dan sebagainya.
- C. Di dalam Undang-undang No.4 tahun 2004 memperuntukkan bahawa pengadilan khusus hanya dapat ditubuhkan di bawah salah satu lingkungan pengadilan yang terdapat dalam lingkungan Mahkamah Agung. Pengadilan khusus di sini merangkumi pengadilan kanak-kanak, pengadilan peniaga, pengadilan hak asasi manusia, pengadilan terhadap tindakan rasuah, pengadilan hubungan perindustrian yang berada di bawah Pengadilan Umum dan pengadilan pajak di bawah Pengadilan Tata Usaha Negara. Pengadilan Umum ini berkuatkuasa kepada semua rakyat Indonesia yang berbilang agama dan pegawai kerajaan termasuk anggota tentera yang melakukan jenayah umum. Ini berdasarkan kepada Undang –Undang No. 34/2004 tentang

¹³ Pengadilan ini mengadili kes-kes pemberontakan rakyat terhadap kerajaan.

¹⁴ Dr. Rochmat Soemitro, S.H. (1966), *Undang-undang pokok kuasa mahkamah dan Undang-undang Pengadilan dalam lingkungan Peradilan Umum dan Mahkamah Agung*, Bandung: P.T. Eresco, h. 21.

Tentera Nasional Indonesia (TNI) dan Tap¹⁵ Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR)¹⁶ No. VII/2000.

3.3.1. Struktur Peradilan Umum.

Struktur Peradilan Umum terdiri daripada dua pengadilan dan satu mahkamah rayuan iaitu:

- I. Pengadilan Negeri, iaitu Peradilan Umum yang bertempat di ibukota *Kabupaten/Kota*¹⁷. Kawasan di bawah bidang kuasanya adalah *kabupaten* atau kota tempat ia berada;
- II. Pengadilan Tinggi, iaitu Peradilan Umum yang bertempat di ibu kota provinsi. Kawasan di bawah bidang kuasanya adalah provinsi tempat ia berada;
- III. Mahkamah Agung, iaitu sebagai Mahkamah Rayuan.

Di Aceh, Pengadilan Tinggi ditubuhkan pada tahun 1968, sedangkan sebelumnya tidak ada, hanya tertakluk kepada Pengadilan Tinggi Medan di Medan yang sudah ditubuhkan sejak tahun 1951.¹⁸ Pada tahun tersebut hanya terdapat empat buah Pengadilan Tinggi di seluruh Indonesia, iaitu:

- a. Pengadilan Tinggi di Jakarta
- b. Pengadilan Tinggi di Medan
- c. Pengadilan Tinggi di Surabaya

¹⁵ Tap maksudnya ketetapan, iaitu peraturan yang dikeluarkan oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat.

¹⁶ Majelis Permusyawaratan Rakyat ialah Parlimen.

¹⁷ *Kabupaten* adalah satu wilayah yang dipimpin oleh seorang *Bupati*. Kota ialah nama wilayah pentadbiran satu peringkat dengan *kabupaten* dipimpin oleh seorang Wali Kota.

¹⁸ K. Wantjik Saleh SH. (1981), op.cit., h.186.

- d. Pengadilan Tinggi di Makasar (Ujung Pandang).

3.4. Peradilan Agama

Peradilan Agama (Mahkamah Syariah) juga sebahagian daripada mahkamah di bawah Mahkamah Agung bagi rakyat beragama Islam yang menuntut keadilan di dalam kes-kes *muamalat* tertentu yang diperuntukkan dalam undang-undang.¹⁹

3.4.1. Struktur Peradilan Agama

Struktur Peradilan Agama adalah sebagai berikut²⁰ :

I. Pengadilan Agama

Pengadilan Agama merupakan sebuah badan Peradilan Agama yang berkedudukan di ibukota Kabupaten/Kota. Dan ia merupakan pengadilan peringkat pertama.

II. Pengadilan Tinggi Agama

Pengadilan Tinggi Agama merupakan sebuah badan peradilan di bawah Peradilan Agama yang berkedudukan di ibu kota provinsi. Ia juga sebagai Pengadilan rayuan peringkat pertama, yang memiliki tugas dan bidang kuasa untuk mengadili perkara yang menjadi bidang kuasa Pengadilan Agama.

III. Mahkamah Agung.

Ia merupakan mahkamah rayuan bagi Pengadilan Agama.

¹⁹ Drs. Cik Hasan Bisri (2003) *Peradilan Umum di Indonesia*, Edisi Revisi. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, h.179.

²⁰ Lihat: Drs. H. A. Basiq Djalil (2006), *op.cit.*, h. 132.

3.4.2. Bidang Kuasa Peradilan Agama.

Bidang kuasa Peradilan Agama disebutkan dalam Fasal 49 dan 50 Undang-undang No. 7 tahun 1949 tentang Peradilan Agama yang telah dipinda dengan Undang-undang No. 3 tahun 2006 iaitu :

- A. Perkahwinan;
- B. Kewarisan;
- C. Wasiat;
- D. Hibah;
- E. Wakaf;
- F. Zakat;
- G. Infaq;
- H. Sedekah; dan
- I. Ekonomi Syariah.

3.5. Peradilan Militar (Tentera).

Peradilan Militar juga satu lagi peradilan di bawah Mahkamah Agung yang melaksanakan kuasa mahkamah ke atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan jenayah tentera.²¹

Pada asalnya, penubuhan Peradilan Militar berada di bawah Markas Besar Tentera Nasional Indonesia (TNI). Namun, semenjak 1 September 2004, organisasi,

²¹ Peradilan Militer, http://id.wikipedia.org/wiki/Peradilan_Militer, 10 Jun 2010.

pentadbiran, dan kewangan Peradilan Militar dialihkan dari TNI ke Mahkamah Agung. Akibat peralihan ini, seluruh tentera TNI dan PNS²² yang bertugas dengan Peradilan Militar diserap menjadi kakitangan Mahkamah Agung, tetapi latihan ketenteraan bagi anggota tentera ini tetap dilaksanakan oleh Markas besar TNI.²³

Pindaan Undang-Undang Dasar 1945 (UUD 1945) membawa perubahan besar mengenai perlaksanaan kuasa mahkamah, dan diperuntukkan dengan lebih mendalam dengan Undang-Undang No. 4 Tahun 2004 tentang kuasa mahkamah. Kesan daripada pindaan ini adalah pengalihan organisasi, pentadbiran dan kewangan badan peradilan ini ke Mahkamah Agung.²⁴

Peradilan Militar hanya menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kesalahan jenayah seperti melarikan diri daripada tugas dan tanggungjawab sebagai tentera (*desersi*). Manakala bagi jenayah-jenayah umum yang lain, tentera TNI ini mempunyai persamaan dengan warga negara lainnya menurut undang-undang. Jadi, anggota tentera yang mencuri atau membunuh maka ia termasuk dalam bidang kuasa Peradilan Umum, bukan peradilan Militar.²⁵

²² PNS ialah singkatan kata dari Pegawai Negeri Sipil iaitu penjawat awam kerajaan.

²³ Singkatan kata dari Markas Besar.


²⁴ UUD 1945 adalah Undang-undang perbadanan tertinggi di Indonesia.

²⁵ Akhbar Tempo, <http://www.tempointeraktif.com/hg/nasional/2004/05/31/brk.20040531-36.id.html>, 10 Jun 2010.

3.5.1. Struktur Peradilan Militar

Struktur Peradilan Militar adalah sebagaimana terdapat dalam carta berikut ini:

Carta 3.1 : Struktur Peradilan Militar.



Sumber: Susunan oleh pengkaji

3.5.1.1. Pengadilan Militar

Pengadilan Militar merupakan badan pelaksana kuasa mahkamah di bawah Mahkamah Agung peringkat pertama yang bertugas untuk memeriksa dan memutuskan hukuman bagi kesalahan jenayah yang didakwa ke atas tentera yang berpangkat kapten dan ke bawah..

Nama, tempat kedudukan, dan kawasan bidang kuasa Pengadilan Militar ditetapkan melalui keputusan Panglima. Apabila perlu, Mahkamah Militar boleh bersidang di luar tempat kedudukannya bahkan di luar kawasan bidang kuasanya dengan keizinan Ketua Pengadilan Utama Militar.²⁶

3.5.1.2. Pengadilan Tinggi Militar

Pengadilan Tinggi Militar merupakan badan pelaksana kuasa mahkamah di bawah Mahkamah Agung yang bertugas untuk memeriksa dan memutuskan hukuman pada peringkat pertama kes jenayah yang didakwa ke atas tentera yang berpangkat *Mayor* dan ke atas.²⁷

Selain itu, Pengadilan Tinggi Militar juga memeriksa dan memutuskan hukuman pada peringkat *banding* (rayuan peringkat pertama) bagi kes jenayah yang telah diputuskan oleh Pengadilan Militar apabila terdapat permohonan *banding* daripada kawasan bidang kuasanya. Pengadilan Tinggi Militar juga dapat mengadili dan memutuskan penghakiman pada peringkat pertama, dan terakhir mengadili konflik bidang kuasa antara Pengadilan Militar dalam kawasan bidang kuasanya.

²⁶ Pengadilan Militer, http://id.wikipedia.org/wiki/Pengadilan_Militer, 10 Jun 2010.

²⁷ Pengadilan Tinggi Militer, http://id.wikipedia.org/wiki/Pengadilan_tinggi_Militer, 10 Jun 2010.

3.5.1.3. Pengadilan Utama Militar

Pengadilan Utama Militar merupakan badan pelaksana kuasa mahkamah di bawah Mahkamah Agung yang bertugas untuk memeriksa dan memutuskan hukuman pada peringkat *banding* bagi kes jenayah dan konflik Tata Usaha Angkatan Bersenjata yang telah diputus pada peringkat pertama oleh Pengadilan Tinggi Militar yang membuat permohonan *banding*.²⁸

Pengadilan Utama Militar berada di ibu kota negara yang kawasan bidang kuasanya meliputi seluruh wilayah negara Republik Indonesia. Pengadilan Utama Militar melakukan pengawasan terhadap penyelenggaraan mahkamah di semua kawasan Pengadilan Militar, Pengadilan Tinggi Militar, dan Pengadilan Pertempuran Militar di kawasan bidang kuasa masing-masing.

Dalam perbicaraan, Pengadilan Utama Militar diketuai oleh seorang Ketua Hakim berpangkat paling minima *Brigadir Jeneral* atau Laksamana Pertama atau *Marsekal* Pertama, dua orang Hakim Anggota dengan pangkat paling rendah iaitu *Kolonel* yang dibantu satu orang Panitera (jurutaip) (pangkat paling rendah ialah *Mayor* dan paling tinggi ialah *Kolonel*).²⁹

²⁸ Pengadilan Utama Militar, http://id.wikipedia.org/wiki/Pengadilan_utama_Militer, 10 Jun 2010.

²⁹ Undang-undang Republik Indonesia No.31 Tahun 1997 Tentang Peradilan Militar.

3.5.1.4. Mahkamah Agung

Mahkamah Agung pula berfungsi sebagai mahkamah rayuan bagi Peradilan Militar.

3.6. Peradilan Tata Usaha Negara.

Peradilan Tata Usaha Negara juga merupakan mahkamah yang terletak di bawah Mahkamah Agung yang melaksanakan kuasa mahkamah bagi rakyat yang menuntut keadilan terhadap sengketa Tata Usaha Negara.³⁰ Ia juga disebut Peradilan *Administrative* (mahkamah pentadbiran) dan Peradilan *Kepegawaian* (mahkamah khusus untuk kaki tangan kerajaan).³¹

Pada asalnya, penubuhan Peradilan Tata Usaha Negara berada di bawah *eksekutif*³², yakni *Direktorat Jeneral*, Badan Peradilan Umum, Peradilan Tata Usaha Negara, Kementerian Kehakiman dan Hak Asasi Manusia (HAM). Namun sejak 31 Mac 2004, organisasi, pentadbiran, dan kewangan Peradilan Tata Usaha Negara dialihkan daripada Kementerian Kehakiman dan HAM ke Mahkamah Agung.

³⁰ Undang-undang Republik Indonesia No.31 Tahun 1997 Tentang Peradilan Militar.


³¹ Undang-undang No.19 tahun 1964 tentang ketentuan asas kuasa mahkamah.

³² *Eksekutif* maksudnya Pemerintah.

3.6.1. Struktur Peradilan Tata Usaha Negara

Struktur Peradilan Tata Usaha Negara adalah sebagai berikut:

Carta. 3.2. Struktur Peradilan Tata Usaha Negara



Sumber: Susunan oleh pengkaji.

3.6.1.1. Pengadilan Tata Usaha Negara.

Pengadilan Tata Usaha Negara merupakan sebuah badan mahkamah peringkat pertama di dalam Peradilan Tata Usaha Negara yang terletak di Kabupaten atau kota. Sebagai mahkamah peringkat pertama, Pengadilan Tata Usaha Negara berfungsi untuk memeriksa, memutus, dan menyelesaikan kes berkaitan Tata Usaha Negara.³³

Pengadilan Tata Usaha Negara dibentuk melalui keputusan Presiden Indonesia dengan kawasan bidang kuasanya meliputi wilayah Kota atau Kabupaten. Susunan jawatankuasa Pengadilan Tata Usaha Negara terdiri daripada Pimpinan (Ketua dan wakil ketua Peradilan Tata Usaha Negara), Hakim Anggota, jurutaip dan setiausaha.

³³ Undang-undang No.5 tahun 1986 tentang Peradilan Tata Usaha Negara.

3.6.1.2. Pengadilan Tinggi Tata Usaha Negara.

Pengadilan Tinggi Tata Usaha Negara merupakan sebuah badan mahkamah peringkat *banding* di dalam Peradilan Tata Usaha Negara yang terletak di ibu kota provinsi. Maka tugas dan dan bidang kuasa mahkamah ini adalah untuk memeriksa dan memutuskan kes Tata Usaha Negara di peringkat *banding*.³⁴

Selain itu, Pengadilan Tinggi Tata Usaha Negara juga bertugas dan mempunyai bidang kuasa untuk memeriksa dan memutuskan di peringkat pertama dan terakhir konflik bidang kuasa dengan mengadili antara Pengadilan Tata Usaha Negara di dalam kawasan bidang kuasanya.

3.6.1.3. Mahkamah Agung

Mahkamah Agung ini juga berfungsi sebagai mahkamah rayuan bagi Pengadilan Tata Usaha Negara.

3.7. Mahkamah Konstitusi

Mahkamah Konstitusi adalah badan tinggi negara dalam sistem ketatanegaraan Indonesia yang merupakan pemegang kuasa mahkamah bersama-sama dengan Mahkamah Agung.

³⁴ Undang-undang No.5 tahun 1986 tentang Peradilan Tata Usaha Negara.

Mahkamah ini ditubuhkan hasil daripada pindaan Ketiga UUD 1945 dalam Fasal 24(2), Pasal 24C, dan Pasal 7B yang diluluskan pada 9 November 2001. Kemudian diluluskan pula oleh Presiden Republik Indonesia pada 13 Ogos 2003.³⁵

Mahkamah ini tidak memiliki struktur seperti Mahkamah Agung. Setiap keputusannya tidak dapat dibuat rayuan, berbeza dengan mahkamah-mahkamah lain yang ada di Indonesia.

3.7.1. Tugas Dan Bidang Kuasa Mahkamah Konstitusi

Mahkamah Konstitusi mempunyai kewajipan dan bidang kuasa sebagai berikut:³⁶

1. Mempunyai bidang kuasa mengadili pada peringkat pertama dan terakhir yang keputusannya adalah muktamad;
2. Menguji undang-undang terhadap Undang-Undang Dasar 1945 (UUD 1945);
3. Memutuskan konflik bidang kuasa badan negara yang bidang kuasanya diberikan oleh UUD 1945;
4. Memutuskan pembubaran parti politik;
5. Dan memutuskan perselisihan tentang hasil pilihan raya umum negara;
6. Mahkamah ini wajib memberikan keputusan atas pendapat Dewan Perwakilan Rakyat (DPRA) bahawa Presiden dan atau wakil Presiden disyaki telah melanggar undang-undang berupa pengkhianatan terhadap negara, rasuah, melakukan kesalahan jenayah berat atau perbuatan tercela, dan/atau tidak lagi memenuhi syarat sebagai Presiden dan/atau wakil Presiden sebagaimana yang dimaksudkan dalam UUD 1945.

³⁵ Mahkamah Konstitusi Republik Indonesia, <http://www.mahkamahkonstitusi.go.id/index.php?page=website.SejarahMK>, 10 Jun 2010

³⁶ Lihat Bab III. Undang-undang Republik Indonesia No. 24 tahun 2003 tentang Mahkamah Konstitusi,

3.8. Hubungan Mahkamah Syariah Aceh Dengan Pengadilan Agama

Mahkamah Syariah merupakan satu mahkamah yang unik di Indonesia; ini disebabkan oleh nama dan bidang kuasa yang berbeza. Dari segi nama, mahkamah yang mengadili kes-kes orang Islam pada perkara-perkara tertentu seperti kekeluargaan (*al-ahwāl al-ṣyakhsiiyyah*) dinamakan Pengadilan Agama. Dan nama ini diguna pakai di seluruh Indonesia kecuali di Aceh.

Begitu juga dengan bidang kuasa, kalau pengadilan Agama bidang kuasanya masih terhad kepada beberapa perkara sahaja, namun di Aceh bidang kuasanya tidak terhad dan pemerintah Indonesia memberikan kebebasan kepada Aceh untuk menentukan sendiri undang-undangnya selama mana ia tidak bertentangan dengan UUD 1945 atau undang-undang nasional.

Walaupun nama dan bidang kuasa berbeza, namun kedudukan Mahkamah Syariah tidak berdiri sendiri, ia tetap berada dalam sistem Peradilan Umum. Dan ia sebagai mahkamah khusus di bawah Peradilan Umum. Ini sebagaimana terdapat dalam Fasal 15(2) Undang-Undang No. 4 tahun 2004 tentang kuasa mahkamah diperuntukkan:

(2) Peradilan Syariat Islam di provinsi Aceh merupakan Pengadilan Khusus dalam lingkungan Peradilan Umum sepanjang kewenangannya menyangkut kewenangan Peradilan Umum, dan merupakan Pengadilan Khusus dalam lingkungan Peradilan Umum sepanjang kewenangannya menyangkut kewenangan Peradilan Umum.

Dengan diperluas bidang kuasa Mahkamah Syariah, tentu akan memberi kesan pada Peradilan Umum yang ada di Aceh. Namun ini tidak menjadi konflik bidang kuasa sebab pada 6 Oktober 2004 Mahkamah Agung telah menyerahkan sebahagian bidang kuasa Peradilan Umum kepada Mahkamah Syariah, iaitu dalam bidang muamalat dan jenayah dalam batas-batas yang diatur dalam Kanun Pemerintah Daerah Aceh.³⁷

Namun demikian Peradilan Umum masih tetap wujud dan masih diperlukan di Aceh walaupun Mahkamah Agung telah menyerahkan sebahagian bidang kuasanya namun pemerintah Aceh belum membuat dan meluluskan semua kanun yang diperlukan. Dan juga orang bukan Islam yang ada di Aceh tidak tertakluk kepada Mahkamah Syariah, sebaliknya mereka tetap menyelesaikan kes-kes yang timbul di Peradilan Umum.

Faktor lain tidak wujudnya konflik adalah Mahkamah Syariah hanya berkuat kuasa di Aceh sahaja, dan tidak di wilayah lain. Dan setelah dirasmikan Mahkamah Syariah di Aceh, Pengadilan Agama telah digantikan nama menjadi Mahkamah Syariah. Bidang kuasa yang ada pada Peradilan Umum juga telah dialihkan kepada Mahkamah Syariah, sebab itulah tidak mungkin terjadi pertembungan dan konflik.

3.9. Hubungan Mahkamah Syariah Aceh Dengan Mahkamah Agung.

Sebagaimana kita maklumi bahawa Mahkamah Syariah adalah mahkamah khusus dalam lingkungan Peradilan Umum. Ini memberi maksud hubungan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Agung adalah sama dengan hubungan

³⁷ Drs. H. A. Basiq Djalil (2006), *op. cit.*, h.168.

Peradilan Umum dengan Mahkamah Agung. Persamaannya adalah kedua mahkamah tersebut membuat rayuan pada Mahkamah Agung sebagai mahkamah tertinggi.³⁸

Untuk lebih jelas, sila rujuk struktur Peradilan Umum dan Mahkamah Syariah berikut ini;

A. Struktur Peradilan Umum

- I. Pengadilan Agama
- II. Pengadilan Tinggi Agama
- III. Mahkamah Agung


B. Struktur Mahkamah Syariah.

- I. Mahkamah Syariah
- II. Mahkamah Syariah Aceh
- III. Mahkamah Agung.

³⁸ Lihat: Fasal 26(2).Undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang kuasa autonomi khusus bagi Provinsi daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Untuk lebih jelas sila rujuk carta di berikut ini:

Jadual 3.3 : Struktur Mahkamah Syariah Pasca Outonomi Khusus.



Sumber: Susunan oleh pengkaji

Mahkamah Agung merupakan mahkamah tertinggi bagi Pengadilan Agama dan juga Mahkamah Syariah yang berfungsi juga sebagai mahkamah rayuan.

3.10. Kesimpulan

Sistem pengadilan di Indonesia kini lebih baik dan berwibawa berbanding pada masa dahulu. Ketika Presiden Soekarno dan Soeharto memimpin, banyak sistem reformasi peradilan berlaku. Apabila pasca Soeharto pula mengundur diri

sebagai Presiden Republik Indonesia, maka bermulalah era reformasi di negara Indonesia.

Pada era reformasi, semakin ramai rakyat yang berani mengkritik dan mencadangkan perubahan terhadap pelbagai sistem yang kurang untuk diperbaiki di negara ini seperti sistem kehakiman. Perubahan sistem kehakiman ini juga harus dilalui bersama bagi meminda Perlembagaan Indonesia iaitu Undang-undang Dasar 1945 (UUD 1945).

Salah satu reformasi kehakiman yang berlaku adalah membentuk pengadilan baru iaitu Mahkamah Konstitusi dan menjadikan Pengadilan Umum, Pengadilan Agama, Pengadilan Militar dan Pengadilan Tata Usaha Negara di bawah struktur Mahkamah Agung. Di mana sebelumnya Pengadilan Agama di bawah Kementerian Agama, Pengadilan Umum di bawah Kementerian Kehakiman dan Hak Asasi Manusia (HAM) dan juga Pengadilan Militar di bawah Panglima TNI.

Pemberian kuasa autonomi khusus kepada Aceh pada tahun 2001 juga mempengaruhi perubahan pentadbiran pengadilan di Aceh, iaitu berubahnya nama Pengadilan Agama menjadi Mahkamah Syariah, bertambahnya bidang kuasa dan kepelbagaian bidang kuasa Pengadilan Agama kepada Mahkamah Syariah, dan juga kepelbagaian sebahagian bidang kuasa Pengadilan Umum kepada Mahkamah Syariah.

Namun demikian, Mahkamah Syariah masih tetap sebahagian daripada pengadilan nasional. Ia hanya sebagai pengadilan khusus dalam badan Pengadilan Agama. Oleh yang demikian, ia tetap berada di bawah struktur Mahkamah Agung, sehinggakan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah tidak bersifat muktamad. Namun, ia masih lagi boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Agung. Bahkan undang-undang yang telah diluluskan dalam bentuk kanun di Aceh juga masih boleh disemak dan dibatalkan oleh Mahkamah Agung jika didapati ia tidak bersesuaian dengan sistem pengadilan nasional.

Pengkaji akan membahas pada bab yang berikutnya, iaitu bab empat. Sejauh mana impak positif dan negatif yang berlaku bersama wujudnya Mahkamah Syariah di bawah struktur Mahkamah Agung. Dan menjelaskan secara terperinci isu-isu berbangkit dari kewujudan dua sistem mahkamah. Selanjutnya pengkaji akan cuba membuat analisis dan cadangan-cadangan yang perlu untuk perkembangan Mahkamah Syariah di Aceh.

Dari segi konflik antara badan pengadilan, pengkaji belum lagi melihat wujudnya konflik di antara mereka kerana kedudukan setiap Pengadilan telah disusun atur melalui undang-undang dan tugas serta bidang kuasa masing-masing. Selain itu, pengkaji juga akan cuba mengkaji dengan lebih mendalam tentang kemungkinan-kemungkinan konflik yang akan timbul pada masa yang akan datang. Oleh kerana ketika ini, perjalanan di dalam mahkamah dan sistem pentadbiran masih baru, maka ia masih berada dalam keadaan yang stabil dan aman tanpa sebarang konflik yang melanda di negara Indonesia. Namun kajian harus dilakukan untuk mengelak sebarang konflik pada masa hadapan yang boleh merugikan semua pihak khususnya Aceh sendiri.